

12.7.2022

Kenyataan Media
oleh YAB TUAN CHOW KON YEOW
Ketua Menteri Pulau Pinang,
Pengerusi PBAPP dan PBA Holdings Bhd

KERAJAAN PERSEKUTUAN PERLU CAMPUR TANGAN UNTUK MENGURANGKAN RISIKO AIR PULAU PINANG

- **Menubuhkan “Lembaga Lembangan Ulu Muda” (UMBA) untuk memulihara, mengurus dan melindungi seluruh lembangan sungai Sungai Muda.**
- **Hentikan pembalakan di Ulu Muda untuk mengurangkan risiko lebih banyak banjir kilat.**
- **Hentikan Kedah daripada melaksanakan projek lapangan terbang Kulim dan perlombongan REE di semua kawasan berhampiran lembangan sungai Sungai Muda.**

PULAU PINANG, Selasa, 12.7.2022: Kerajaan Persekutuan perlu mengambil tindakan segera untuk mengurangkan risiko satu lagi kejadian bekalan air melibatkan Sungai Muda yang akan menjejaskan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

Lebih 80% air mentah yang diabstrak setiap hari oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) datangnya dari Sungai Muda. Oleh itu, sebarang kejadian yang melibatkan Sungai Muda akan menjejaskan perkhidmatan bekalan air kira-kira 80% daripada penduduk Pulau Pinang dan perniagaan yang berpusat di Pulau Pinang.

“Kesan” banjir kilat di Baling, Kedah baru-baru ini, telah membuktikan bahawa ini adalah fakta. Pada 6.7.2022, air banjir menyebabkan kekeruhan air mentah dari Sungai Muda tiba-tiba meningkat sehingga 3,000 NTU.

Kekeruhan air Sungai Muda terlalu tinggi sehingga memaksa PBAPP menghentikan tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. Penutupan LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang menjejaskan perkhidmatan bekalan

air di sini selama 6 hari.

Untuk meminimumkan risiko berulang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP menyeru Kerajaan Persekutuan untuk:

1. Menubuhkan “**Lembaga Lembangan Ulu Muda**” (**UMBA**) untuk memulihara, mengurus dan melindungi seluruh lembangan sungai Sungai Muda sebagai aset air NCER. Sekiranya Kerajaan Persekutuan serius untuk membangunkan NCER dengan betul, ia harus memberi tumpuan kepada mendapatkan sumber air terlebih dahulu. Kejadian dan masalah bekalan air tidak baik untuk perniagaan dan akan menyebabkan penderitaan berjuta-juta orang.
2. **Hentikan pembalakan di Ulu Muda** untuk mengurangkan risiko lebih banyak banjir kilat. Menebang hutan hujan juga akan menjejaskan prestasi Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air terpenting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).
3. **Halang Kedah daripada melaksanakan projek lapangan terbang Kulim dan cadangan perlombongan unsur nadir bumi (REE)** di lembangan sungai Sungai Muda. Risiko pencemaran air, kontaminasi air dan pemendapan sungai tidak boleh diterima. Selain itu, projek lapangan terbang Kulim juga akan membuang berjuta-juta liter kumbahan ke anak sungai Sungai Muda setiap hari.
4. Mempercepatkan **penyiapan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP)**. Pemulihan operasi pengeluaran air di LRA Sungai Dua dan pemulihan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang telah tertangguh kerana PBAPP hanya boleh melepaskan 300 JLH dari Empangan Mengkuang dalam senario kecemasan. Fasa 2B MDEP mesti disegerakan untuk meningkatkan kapasiti pelepasan kepada 600 JLH.
5. Melaksanakan **Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)**. Sungai Muda telah menjadi sumber air mentah utama Pulau Pinang sejak 1973. Kita sangat-sangat memerlukan sumber air mentah kedua. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP telah membuat cadangan pelaksanaan SPRWTS sejak 2011. Sehingga hari ini, Kerajaan Persekutuan menegaskan Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu berunding terus dengan Kerajaan Negeri Perak. Kita telah

menghadiri beberapa sesi rundingan langsung tetapi tidak berjaya. Sementara itu, lebih air dari Sungai Perak terus mengalir membazir ke Selat Melaka setiap hari.

Jelas sekali, kejadian tidak diingini di Kedah boleh menyebabkan isu bekalan air yang meluas di Pulau Pinang kerana Sungai Muda merupakan sumber air mentah yang dikongsi bersama. Ini harus dianggap sebagai “seruan” yang mendesak untuk Kerajaan Persekutuan mengurangkan risiko air yang tinggi di Pulau Pinang.

Hari ini, 1.78 juta rakyat Malaysia yang tinggal di Pulau Pinang berhadapan dengan risiko bekalan air yang tinggi. Perniagaan berpangkalan di Pulau Pinang yang menyumbang sebanyak RM92.6 bilion* kepada KDNK negara pada 2020 juga berisiko.

Terima kasih.

*https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=SEFobmo1N212cXc5TFILVTVxWUFXZz09